

MIFB sasar transaksi RM1.4 bilion

KUALA LUMPUR – Pameran Perdagangan Makanan dan Minuman Antarabangsa Malaysia (MIFB) 2023 menyasarkan transaksi perdagangan bernilai AS\$300 juta (RM1.4 bilion) sepanjang tiga hari pameran yang telah bermula semalam di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Constellar Exhibition Malaysia Sdn. Bhd., Chua Wee Phong selaku penganjur berkata, MIFB kali ke-22 pada tahun ini berjaya menarik 430 pempamer dari 60 negara.

"Pameran kali ini yang mengetengahkan tema Memacu Kelestarian dan Keterjaminan Makanan ASEAN telah berjaya menarik minat ramai komuniti perdagangan untuk mendapatkan bekalan pelbagai jenis produk makanan dari serata dunia.

"Selain pameran perdagangan, kami turut menganjurkan sesi perkongsian yang menampilkan pakar dan peneraju industri yang memfokuskan kepada isu terkini termasuk keselamatan



CHAN FOONG HIN (tiga dari kanan) dan Chua Wee Phong (tiga dari kiri) pada majlis perasmian MIFB di Kuala Lumpur semalam.

makanan dan sisa sifar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar bersempena perasmian MIFB 2023 yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin.

Pameran tersebut disasarkan mampu menarik seramai 20,000 pengunjung perdagangan.

Sementara itu, Foong Hin berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kini menerajui kajian untuk penubuhan sebuah agensi khas bagi meningkatkan keterjaminan makanan.

"Sekarang isu keterjaminan makanan dikongsi merentas pelbagai kementerian termasuk kami yang memfokuskan kepada soal pengeluaran bagi memastikan bekalan mencukupi, manakala Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup tertumpu kepada harga.

"Kajian sedang dilakukan mengenai mekanisme dan operasi berhubung cadangan penubuhan agensi baharu ini," ujarnya.

Pusat Perubatan KMI Tawau dijenamakan semula

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU – Kumpulan Medic Iman Sdn. Bhd. (KMI) segmen penjagaan kesihatan Kumpulan TDM Berhad, telah melancarkan Pusat Perubatan KMI Tawau, Sabah yang merupakan cawangan kelima syarikat tersebut di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif KMI, Dr. Rayney Azmi Ali berkata, pusat perubatan itu telah menguruskan operasi Hospital Pakar Tawau sejak tahun 2018 dan pada Mei tahun lalu, syarikat telah mengambil alih sepenuhnya.

"Sehubungan itu, ia telah dijenamakan semula sebagai Pusat Perubatan KMI Tawau bermula 7 Julai lalu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena majlis pelancaran tersebut yang disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah, Dr. Aliakbar Gulasan di Tawau baru-baru ini.

Rayney Azmi berkata, antara kemudahan perubatan yang ditawarkan Pusat Perubatan KMI Tawau adalah obstetrik dan ginekologi, ortopedik, pediatrik, anestesia, otorinolaringologi dan radiologi.



ALIAKBAR (dua dari kiri) dan Rayney (dua dari kanan) melancarkan perjenamaan semula Pusat Perubatan KMI Tawau di Tawau, Sabah baru-baru ini.

Tambah lagi, pusat perubatan itu juga menawarkan perkhidmatan pengimbasan diagnostik, mamogram digital, pemeriksaan ultrasound dan X-ray.

"Sebuah bangunan enam tingkat yang bakal menempatkan tambahan 59 katil juga sedang dibangunkan dan dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat

tahun hadapan.

"Sebaik bangunan baharu itu beroperasi, perkhidmatan pesakit antarabangsa akan menjadi agenda baharu Pusat Perubatan KMI Tawau," katanya.

Rayney Azmi menjelaskan Pusat Perubatan KMI Tawau akan memfokuskan usaha meneroka sektor pelancongan kesihatan.

MYStartup NXT bakal lahir 5,000 usahawan

PETALING JAYA – Persidangan mikro MYStartup NXT yang berlangsung di Sarawak bakal menghimpunkan usahawan, syarikat startup sedia ada dan pakar industri untuk membangunkan ekosistem industri tersebut di negeri berkenaan.

Siri persidangan mikro dua hari yang dianjurkan dengan kerjasama Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS) itu menjadi platform yang menawarkan peluang kepada usahawan untuk belajar, meluaskan jaringan dan mendedahkan diri mereka kepada pihak korporat, peneraju teknologi, pelabur setta kepada pemegang taruh lain yang berkaitan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, inisiatif MYStartup akan terus memacu inovasi, mencipta peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi serantau yang menyeluruh.

"Kami akan terus komited mendukung inisiatif melalui MYStartup yang membantu perkembangan keusahawanan dan kemajuan teknologi sambil kita bekerjasama membangun-



JOSEPH KURUP

kan sebuah ekosistem startup yang mampan di Sarawak," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

MYStartup NXT Sarawak dijangka dapat mewujudkan lebih 5,000 startup berkualiti menjelang tahun 2025.

Tambah Joseph Kurup, inisiatif tersebut bakal menyediakan sokongan yang diperlukan oleh usahawan baharu untuk berkembang maju dalam ekosistem startup yang dinamik.

Susulan kejayaan MYStartup NXT di Sarawak itu, siri persidangan mikro ini akan bersambung di Pulau Pinang dan Sabah tidak lama lagi.